

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2016**

**SOALAN :**

Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bahawa selepas TPPA ditandatangani, berapakah agaknya jumlah peningkatan kuantiti bagi penjualan *Crude Palm Oil* (CPO). Adakah "*duty paid*" bagi import *Crude Palm Oil* sama dengan "*soybean*" selepas TPPA ditandatangani.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) telah ditandatangani oleh 12 buah negara pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand. Perjanjian ini akan berkuatkuasa setelah negara-negara tersebut melaksanakan proses ratifikasi di dalam tempoh 2 tahun selepas ia ditandatangani. Justeru itu, sebarang impak dan kesan dari pelaksanaan perjanjian tersebut hanya akan dirasakan oleh negara-negara ahli TPPA selepas ia berkuatkuasa.

Walau bagaimanapun, melalui perjanjian ini, Malaysia akan memperolehi akses pasaran baru di 4 buah negara yang belum mempunyai sebarang Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* - FTA) dengan Malaysia, iaitu Amerika Syarikat, Peru, Mexico dan Kanada. Selain itu, Malaysia turut mendapat pengurangan dan penghapusan tarif dari rakan dagang di dalam FTA yang sedia ada.

Di bawah TPPA juga, Malaysia bakal menikmati *zero tariff duties* bagi minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil* - CPO) di negara-negara seperti New Zealand, Australia, Brunei, Singapura, Chile, Amerika Syarikat, Kanada dan Jepun pada tarikh perjanjian berkuatkuasa, manakala Mexico telah menetapkan kuota tahunan. Tawaran Peru dan Vietnam adalah menurunkan tarif sehingga 0% secara berfasa dalam tempoh dari 6 hingga 11 tahun. Ini pastinya akan memberi kesan positif dan mendorong peningkatan eksport ke pasaran-pasaran negara TPPA, memandangkan pengeksport dan pengeluaran CPO negara kita tidak akan

dibebankan dengan duti import seperti mana yang dikenakan pada masa ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi minyak kacang soya pula, negara-negara TPPA kebanyakannya menawarkan *zero tariff duties* untuk produk minyak kacang soya pada tarikh kuatkuasa perjanjian. Namun begitu, beberapa negara iaitu Jepun, Amerika Syarikat dan Vietnam hanya mengenakan penurunan tarif berfasa dari 5 hingga 10 tahun bagi produk tersebut.

Melalui penghapusan atau penurunan kadar duti import yang akan dilaksanakan oleh negara-negara di bawah TPPA, ini akan meningkatkan daya saing dan dapat membantu negara meluaskan pasaran produk-produk sawit Malaysia ke negara-negara tersebut. Pada akhirnya dengan pelaksanaan TPPA, duti import bagi CPO dan minyak kacang soya tidak akan mempunyai perbezaan kerana kedua-duanya akan menikmati penghapusan duti import di kalangan negara-negara TPPA.

Sekian, terima kasih.